

# INTERNATIONAL POSTGRADUATE

CONFERENCE ON ENGINEERING (IPCE 2010)



International Postgraduate Conference on Engineering (IPCE 2010) anjuran Pusat Pengajian Siswazah (PPS) telah diadakan pada 16-17 Oktober 2010 bertempat di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik, Kampus Tetap UniMAP di Ulu Pauh. Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar pascasiswazah dalam bidang kejuruteraan membentangkan hasil penyelidikan yang telah dilakukan selama ini.

IPCE 2010 ini yang merupakan acara tahunan Pusat Pengajian Siswazah, UniMAP merupakan platform pertemuan pelajar-pelajar pascasiswazah khususnya dalam bidang kejuruteraan. Persidangan ini terbuka kepada semua pelajar pascasiswazah yang berdaftar di IPTA seluruh Malaysia dan universiti-universiti luar negara. Universiti-universiti luar negara ini kebanyakannya adalah universiti yang mempunyai perjanjian persefahaman dengan UniMAP. Namun begitu penyertaan juga dibuka kepada pelajar-pelajar pascasiswazah lain yang berminat.

Kertas kerja yang dibentangkan berbentuk kertas cadangan penyelidikan, laporan penyelidikan ataupun penemuan/keputusan penyelidikan. Sebanyak 137 kertas kerja berjaya dibentangkan oleh 132 orang pelajar pascasiswazah dari dalam negara dan juga antarabangsa. Persidangan turut melibatkan Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa) yang bertanggungjawab menilai kertas penyelidikan yang dihantar oleh para pelajar pascasiswazah mengikut bidang penyelidikan.